

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
(BUKIT BENDERA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25.10.2016**

**Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [ BUKIT BENDERA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada kerajaan boleh mempertimbangkan formula pengagihan semula cukai berdasarkan prinsip desentralisasi ataupun *subsidiarity* agar pembangunan lebih sekata antara negeri-negeri dapat dicapai.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Y.B, semua kutipan cukai termasuk kutipan cukai GST merupakan hasil Kerajaan dan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan Perkara 97, Perlembagaan Persekutuan.

Dana daripada Kumpulan Wang Disatukan sebahagian besarnya akan digunakan untuk membiayai keseluruhan Perbelanjaan Mengurus yang diagihkan kepada semua kementerian untuk membiayai program/ projek yang telah dikenal pasti mengikut keutamaan.

Sebahagian besar daripada peruntukan tersebut disalurkan untuk membiayai perbelanjaan kesihatan, pendidikan, pertanian, pembangunan luar bandar serta pemberian subsidi dan program bantuan rakyat seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

Kerajaan sentiasa responsif kepada kehendak rakyat dengan memastikan peruntukan bagi Perbelanjaan Pembangunan disediakan bagi pembinaan hospital, sekolah, jalan raya dan penyediaan bekalan air bersih di setiap negeri. Semua perbelanjaan tersebut dapat memberi manfaat dan faedah kepada rakyat di seluruh negara.